

27/10/2003

Jasa dan pengorbanan Datuk Harun terlalu besar

Raja Ahmad Zainuddin

KITA menerima berita kematian Datuk Harun Idris dengan perasaan sedih. Begitupun kita menerima kehendak Allah SWT yang maha berkuasa ke atas segala-galanya. Kita cuma berdoa agar ruhnyanya diletakkan di sisi orang-orang yang salih.

Allahyarham amat dikenali sebagai seorang tokoh sukan dan pemimpin belia. Dalam pergerakan Pemuda Umno, nama Harun Idris seperti tidak boleh dipisahkan. Bagi penduduk Selangor, bekas menteri besar itu adalah seorang yang cukup disegani dan dihormati.

Walaupun tidak mengenalinya secara dekat kerana pada zaman kegemilangannya saya masih di bangku sekolah, tetapi Datuk Harun adalah seorang yang cukup terkenal terutama dalam sukan bola sepak.

Namanya masih tetap terpahat, terutama mengenang kembali kejayaan pasukan bola sepak kebangsaan buat julung kalinya melangkah ke Sukan Olimpik Munich pada tahun 1972 di mana beliau adalah pengurusnya.

Selain berjaya memimpin pasukan kebangsaan yang dibarisi nama-nama besar seperti Datuk Soh Chin Aun, Datuk M Chandran, Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari, Wong Kam Fook dan ramai lagi, Allahyarham juga menjadi bapa contoh sepertimana yang dilakukan Datuk Sidek Abdullah Kamar yang terkenal dalam keluarga badminton.

Salah seorang anaknya, Mazlan Harun, juga bekas seorang pemain bola sepak dan pengurus pasukan Selangor. Ketika memimpin Pemuda, pergerakan itu turut memberi sumbangan besar kerana berjaya melahirkan ramai pemain berbakat menerusi sukan yang diadakan.

Dalam politik, beliau adalah juga seorang yang lantang bersuara. Kejayaan besar Pemuda di era beliau ialah membawa semula Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke dalam Umno selepas dipecat, dan kini adalah Perdana Menteri dan presiden Umno yang terlama memimpin dan menjadi sejarah kepada negara.

Sementara itu sekitar tahun 1971, nama Malaysia tiba-tiba menjadi sebutan di seluruh dunia apabila legenda Muhammad Ali dan Joe Bugner bertarung merebut gelaran heavyweight di Kuala Lumpur dan orang yang bertanggungjawab adalah juga Allahyarham Datuk Harun.

Jasa dan sumbangan serta pengorbanannya begitu besar. Saya sendiri semasa berucap merasmikan Kejohanan Bola Sepak Tunas Harapan anjuran bersama Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan F&N di Wisma FAM, turut menyampaikan rasa sedih dan takziah kepada keluarga Allahyarham yang juga pernah menjadi salah seorang naib presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Ketika berucap membahas Bajet 2004 Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) di

peringkat jawatankuasa, Selasa lalu, saya turut menyatakan rasa sedih dan

terharu di atas kepulangan Datuk Harun, 78 tahun, ke rahmatullah.

Saya juga mencadangkan agar satu anugerah khas diberikan kepada tokoh itu sebagai mengenang jasa beliau kepada sukan dan pergerakan belia tanah

air, walaupun sebelum ini Allahyarham Datuk Harun pernah dianugerahkan tokoh bola sepak negara pada majlis anugerah bola sepak pada April 1997.

Yang saya cadangkan itu biarlah dari KBS sendiri dan dalam jawapan balas, Timbalan Menteri Belia Dan Sukan, Datuk Ong Tee Kiat mengatakan bahawa ia akan dipertimbangkan sewajarnya.

Terima kasih kepada Ahli Parlimen Ampang itu kerana walaupun beliau pernah ditentang Allahyarham dalam pilihan raya kecil yang diadakan sedikit masa dulu, tetapi jawapan yang diberikan itu ternyata bersifat semangat kesukanan oleh seorang pemimpin kerajaan terhadap segala jasa yang pernah dilakukan oleh Datuk Harun.

Dalam pada itu, saya turut bertanyakan anugerah yang disumbangkan oleh KBS kepada tokoh sukan yang lain yang turut menjulang nama negara di persada antarabangsa seperti perenang maraton negara Datuk Abdul Malek Mydin dan pelayar solo Datuk Azhar Mansur.

Dalam hubungan ini, saya meminta agar kementerian itu melihat pentingnya

anugerah cemerlang diberikan kepada mana-mana atlit yang melakukan rekod jikapun mereka itu tidak dikategorikan di bawah anugerah cemerlang sebagai

sasaran Majlis Sukan Negara (MSN).

Ini kerana kita tidak mahu mereka yang telah mencatat sejarah dan mengharumkan nama negara, tetapi tidak menerima anugerah yang setimpal, sekalipun mereka ini tidak pernah meletakkan apa-apa syarat ketika membuat sesuatu.

Kerana slogan kita boleh kini telah ramai rakyat kita yang mahu mencontohi Malek dan Azhar hinggakan kanak-kanak kecil berani bermain air

bah walaupun perbuatan itu amat bahaya. Justeru sejajar dengan semangat kesukanan saya merasakan sudah tibalah masanya MSN melihat mereka yang telah mengharumkan nama negara diberikan penghormatan agak istimewa.

Saya

difahamkan ada sesetengah negara yang sanggup berbelanja besar hinggakan memberi pencen kepada mana-mana rakyatnya yang telah mencatat rekod di peringkat antarabangsa.

Anugerah tidak bermakna, kita mahu mendewa-dewakan sesiapa yang telah berjaya. Sebaliknya ia sebagai satu penghargaan dengan apa yang telah mereka lakukan. Sesungguhnya tidak ramai yang sanggup berkorban masa, wang

ringgit dan juga keluarga semata-mata kerana minat untuk menaikkan sukan negara.

Maka sebab itu jugalah saya amat terharu anugerah sukan yang diberikan kepada saya oleh pergerakan pemuda Umno bahagian Larut baru-baru ini sebagai menghargai jasa yang telah saya sumbangkan kepada pasukan bola sepak perak selama lebih 12 tahun.

Menurut ketuanya Ustaz Hasbullah Haji Ilias, rakyat Perak tidak dapat melupakan segala khidmat dan pengorbanan yang telah saya lakukan sebagai pengurus yang telah membantu Perak menjulang beberapa piala termasuk

sejarah muncul juara pertama Piala FA yang pertama kali diperkenalkan pada 1990, disamping menjadi juara Piala Malaysia sebanyak dua kali pada 1998 dan 2000.

Secara peribadi, selain menyatakan terima kasih sesungguhnya itulah satu-satunya anugerah yang pernah saya terima, selepas meletakkan jawatan

sebaik memenangi Piala Malaysia pada tahun 2000 di perlawanan akhir ketika

mengalahkan Negeri Sembilan 2-0 di Stadium Shah Alam. Pada perlawanan akhir Perak-Terengganu sebelum ini, juga telah mencatat sejarah dengan kehadiran penonton teramai yang mencecah 100,000 orang.

Seperti juga yang pernah dinyatakan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Tanjung Malim, Mohamed Kushairi dalam satu majlis anjuran pemuda

Barisan Nasional bahawa beliau turut berbangga melihat pencapaian pasukan

bola sepak Perak yang bermula dari zaman era saya lagi yang kini kembali menjadi sebuah negeri yang amat disegani dihormati.

Turut menerima anugerah Pemuda Umno Larut itu ialah seorang lagi anak tempatan iaitu Abdul Moin Rahim yang beraksi bersama pasukan bola sepak kebangsaan dan juga Selangor sebelum pulang ke Perak sekitar tahun 1989.

Pujian juga seharusnya diberikan kepada Abdul Moin yang walaupun sudah bersara dari bola sepak negeri dan negara, tetapi masih mengerah tenaganya

melatih anak-anak tempatan dan mempunyai sebuah pasukan yang berpusat di kampung halaman saya di Selama.

Larut juga mencatat sejarah apabila seorang lagi anak tempatan, Azizul Ishak yang berasal dari Batu Kurau yang pernah mewakili pasukan sepak takraw kebangsaan pada suatu ketika dan juga negeri perak yang turut menerima anugerah itu. beliau juga pernah mewakili pasukan pergerakan pemuda Umno bahagian dan negeri.

Selain mengucapkan tahniah, saya juga amat terharu di atas sambutan perlawanan akhir liga bola sepak anjuran pergerakan pemuda bahagian Larut

merebut Piala Ketua Bahagian yang diadakan buat pertama kalinya pada 18 Oktober lalu yang disaksikan lebih 5,000 orang termasuk perempuan yang diadakan di padang Majlis Daerah Bagan Baru sempena sambutan Hari Keluarga

Bahagian yang diadakan pada sebelah paginya. Tahniah kepada pasukan pemuda

Sungai Bayur yang muncul juara mengalahkan pasukan pemuda Umno Pantai Besar melalui tendangan penalti. Mudah-mudahan Larut akan terus berjaya mencungkil bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan mewarnai kancah bola

sepak negara.

Pada akhirnya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh rakyat yang beragama Islam, sambil berdoa agar kita dapat mengerjakan ibadah ini dengan penuh ketakwaan, penuh kesabaran

dan disiplin diri sebagai menguji kekuatan keimanan.